

# PM mahu peniaga utamakan kehendak pembeli

19 JAN 1991

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peruncit dan penjaja gerai, terutama di bandar besar, perlu lebih peka terhadap keperluan serta kehendak pengguna yang mengutamakan mutu.

Menurut Perdana Menteri, penyesuaian terhadap cara hidup yang lebih mewah itu bukan kerana sikap sombong dan angkuh tetapi membantu meraih lebih banyak keuntungan dalam perniagaan.

Beliau berkata, jika perniagaan yang rendah nilainya dilakukan di kawasan mewah dan mahal, ia akan membawa kerugian.

“Jika pihak berkuasa didapati terlalu tegas dengan penjaja, ini kerana kita tidak dapat lagi menerima persekitaran kotor, tidak sihat dan buruk.

“Lagi pun penjaja ini memang mampu dan sudah tentu dapat membuat lebih banyak keuntungan jika mereka lebih bersih dan ‘presentable’. Penguatkuasaan standard yang lebih tinggi sebenarnya akan menambahkan lagi keuntungan perniagaan kecil,” katanya.

Dr Mahathir berucap merasmikan kompleks Pernas Sogo, satu lagi pusat membeli-belah di ibu kota di persimpangan Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Dang Wangi, hari ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Dr Mazlan Ahmad, hadir sama di majlis itu. Sogo adalah rangkaian pasar raya terbesar di dunia dengan 26 gedung perniagaan di Jepun dan mempunyai cawangan di beberapa bandar utama Asia dan Eropah.

Perdana Menteri berkata, dengan adanya pusat membeli-belah dan gedung besar yang dapat membekal hampir setiap keperluan pelanggan, masalah hidup moden di kota raya dapat diatasi.

Menurutnya, walaupun peniaga kecil mungkin terjejas dengan kewujudan gedung besar itu, mereka mesti menyesuaikan diri dengan keadaan baru itu.

“Amalan berkunjung dari sebuah kedai ke kedai lain untuk mencari keperluan harian dengan terpaksa merayau-rayau di bandar tidak lagi praktikal,” katanya.

Dr Mahathir berkata, pembukaan kompleks Pernas Sogo itu menandakan peningkatan terhadap cara hidup selaras matlamat Wawasan 2020.

Beliau berkata, penubuhan rangkaian perusahaan dagangan runcit secara besar-besaran bukan satu fenomena baru di ibu kota kerana banyak gedung besar seperti The Mall, Metro Jaya dan Lot 10, sudah dibuka.

Menurutnya, keadaan itu boleh berlaku kerana pendapatan per kapita

## PM mahu peniaga utama kehendak pembeli

### DARI MUKA 1

rakyat terus meningkat daripada RM6,238 pada 1990 kepada sebanyak RM8,550 pada tahun lalu manakala perkiraan ukuran daya beli juga turut meningkat.

“Peningkatan ini serta kadar inflasi yang rendah telah membolehkan penduduk Malaysia menikmati taraf dan kualiti hidup yang tinggi.

“Kadar inflasi yang rendah itu telah membantu barangan yang dihasilkan di Malaysia bersaing di pasaran dalam dan juga di luar negara,” katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia adalah tempat yang paling sesuai untuk membeli-belah dan hakikat ini mesti dihebahkan kepada pelancong oleh pekedai yang membuat tawaran harga murah.

Sehubungan dengan itu, beliau mengingatkan peruncit tempatan supaya tidak hanya mencari keuntungan untuk jangka pendek dengan menjual barangan pada harga yang mahal.

Beliau berharap pada satu ketika kelak, gedung perniagaan Malaysia pula akan dapat dibuka di negara asing.